

**Campur Tangan Pemimpin Berkepentingan Politik Lewatkan Penyelesaian Masalah  
Bernama  
28 Februari , 2012**

BUTTERWORTH, 28 Feb (Bernama) -- Campur tangan sesetengah pemimpin yang berkepentingan politik berhubung isu dalaman Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) merupakan punca isu pindaan Akta Kerja masih tidak dapat diselesaikan.

Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata peluang untuk menyelesaikan masalah tersebut hilang apabila wakil MTUC tidak hadir ke mesyuarat kedua walaupun mereka hadir pada mesyuarat pertama.

"Kerajaan telah menyediakan platform bagi penyelesaian masalah mereka secara baik, tetapi ada beberapa pemimpin politik di dalam MTUC yang terbabit dengan pendirian politik itu yang menimbulkan masalah serta menyukarkan penyelesaian masalah mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyampaian sijil kewarganegaraan kepada 261 orang di sini Selasa. Di Pulau Pinang terdapat 606 permohonan tetapi hanya 406 diluluskan.

Katanya tindakan kerajaan untuk meminda Akta Kerja adalah atas permintaan kesatuan sekerja khususnya Kesatuan Sekerja Sektor Perladangan dan ia bukan dibuat berdasarkan pandangan atau keputusan kerajaan semata-mata.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648634>